

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 09.08.2024 MASA: 10.25 AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR**  
**SETIAUSAHA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**KEJOHANAN *EXPERIENCING GOLF IN SEBERANG***  
***PERAI : MAYOR'S CUP 2024***

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**10 OGOS 2024 (SABTU)**  
**2.00 PETANG**

**PENANG GOLF RESORT**  
**KEPALA BATAS**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**YBhg Dato Sri-Dato Sri / Dato-Dato / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Kejohanan *Experiencing Golf in Seberang Perai: Mayor's Cup 2024* di Penang Golf Resort, Kepala Batas.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Para Penaja, para peserta atau pemain golf yang telah beraksi dalam Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar pada hari ini serta para hadirin dan hadirat yang dihormati

sekalian. Saya amat menghargai penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan majlis yang diadakan pada petang ini.

3. Dengan rasa bangga saya ingin mengucapkan **tahniah dan syabas** di atas semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Penganjur serta pemain-pemain sehingga Kejohanan Golf kali Kedua ini dapat direalisasikan.
4. Sukan mampu menjadi wadah penting dalam usaha kita untuk membentuk sebuah agensi yang harmoni dan bersatu padu. Semangat kesukanan yang diterapkan mampu meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani terutamanya kepada warga kerja agar ianya dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan sahsiah serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.
5. Setakat bulan ini MBSP telah berjaya menganjurkan Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai 2024 yang telah berlangsung pada 15 Jun 2024 (Sabtu) bertempat di Corner Pocket Snooker Centre, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. MBSP telah menerima penyertaan seramai 106 orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan kali ini dan dari jumlah tersebut, 53 orang peserta adalah merupakan kakitangan MBSP. Manakala, seramai 50 orang peserta mewakili

12 pelbagai agensi kerajaan. Antaranya KTMB; PDRM SPT; TNB; JPS SPT; JKR SPS; Kastam Pulau Pinang; Lembaga Pertubuhan Peladang; Penang Port Sdn. Bhd.; Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang; Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda; Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam. Seramai 3 orang peserta lagi adalah dari kalangan Ahli–Ahli Majlis MBSP yang turut mengambil bahagian sebagai tanda sokongan kepada penganjuran pertandingan ini. Ini menunjukkan bahawa sukan ini semakin diminati dan mempunyai kelebihan yang tersendiri kerana ia memerlukan kepakaran, pemikiran, stamina, dan psikologi untuk mengasah lagi daya pemikiran seseorang.

6. Selepas ini, MBSP akan mengadakan sukan-sukan yang lain antaranya ialah:
- i. Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Datuk Bandar Seberang Perai
  - ii. Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar Seberang Perai
  - iii. Kejohanan Bola Jaring Piala Datuk Bandar Seberang Perai
  - iv. Kejohanan Hoki Sembilan Sebelah Piala Datuk Bandar
  - v. Kejohanan Boling Padang Piala Datuk Bandar
  - vi. Kejohanan Sepak Takraw Piala Datuk Bandar
  - vii. Fitness Challenge @ MBSP Gymnasium Piala Datuk Bandar

7. Pada hari ini, program yang dianjurkan ini merupakan satu Program Kejohanan *Experiencing Golf in Seberang Perai: Mayor's Cup 2024* ini selari dengan *Penang2030* di bawah tema iaitu *"Increase liveability to enhance quality of life"* dan mengikut inisiatif strategi A4 iaitu *"Diversify recreation, sports, arts and culture facilities"*.
8. Kejohanan Golf Piala Datuk Bandar Tahun 2024 merupakan kali kedua dianjurkan oleh MBSP. Kejohanan golf seumpama ini dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim di kalangan agensi-agensi kerajaan dan swasta. Menang atau kalah bukanlah ukuran penting untuk menentukan kualiti pemain, tetapi dinilai dari segi semangat kesukanan bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan pemain yang menang.
9. Seramai 120 pemain golf amatur dari pelbagai latar belakang telah menyertai kejohanan pada tahun ini termasuklah kategori jemputan dan terbuka. Hadiah wang tunai sebanyak RM2,000.00 bagi dua (2) pemenang kategori *Sure To Win*.
10. Manakala, bagi pemain yang berjaya memenangi *"Hole In One"* pula akan membawa pulang hadiah sebuah Televisyen berjenama Skyworth berukuran 86 inci bernilai RM8,999.00. Selain itu, terdapat

lain-lain hadiah berupa *voucher* serta barangan berjumlah hampir RM20,000.00 tidak termasuk 46 Hadiah Cabutan Bertuah.

11. Badan yang sihat akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita, sekaligus memberikan idea atau sumbangan yang kreatif dan produktif kepada organisasi. Selain itu, bermain golf boleh melatih kekuatan fizikal dan keseimbangan, serta menjaga kesihatan mental, jantung dan paru-paru disamping mampu mengukuhkan keupayaan strategik dan tumpuan.
  
12. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada para penganjur yang sudi menaja hadiah yang ada pada hari ini antaranya:
  - i. Straits City Future City
  - ii. Iconic Group
  - iii. The Light Hotel (M) Sdn Bhd
  - iv. Bertam Resort & Water Park Penang
  - v. Golden Highway Auto-City Sdn Bhd
  - vi. Aspen Group
  - vii. AL Jannah Global Marketing Sdn Bhd
  - viii. Lembughini Farmilia (Penang)
  - ix. Bank Islam Malaysia Berhad

- x. Bertam Properties Sdn Bhd
- xi. Hayara Sdn Bhd
- xii. Menara Kerjaya Fasteners Sdn Bhd
- xiii. Silicon Island Development Sdn Bhd
- xiv. TRA Holidays Sdn Bhd
- xv. Wan Canopy Event & Management Sdn Bhd
- xvi. Swee Leong Electrical Sdn Bhd
- xvii. Penang Golf Resort
- xviii. UDA Holdings Berhad

13. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua terutama barisan ahli Jawatankuasa Penganjur di atas kejayaan penganjuran Kejohanan Piala Golf Datuk Bandar Tahun 2024. Bagi pemain-pemain yang terlibat, terima kasih kerana meluangkan masa menyertai kejohanan ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***